

## **Kehidupan Gelandangan Bekas Banduan dari Perspektif Ekologi: Kajian Kes di Chow Kit, Kuala Lumpur**

*The Homeless Life of Ex-Prisoners from the Ecological Perspective: A Case Study in Chow Kit, Kuala Lumpur*

MOHD ALIF JASNI<sup>1</sup>, SITI HAJAR ABU BAKAR AH<sup>2</sup>, NORALINA OMAR<sup>2</sup> & NORRUZEYATI CHE MOHD NASIR<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia dan Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (*iPSYCORE*), Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

<sup>3</sup>Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia dan Asian Research Institute for Governance, (ARICG).

Corresponding author: [mohd.alif.jasni@uum.edu.my](mailto:mohd.alif.jasni@uum.edu.my)

Published online: 28 June 2021

To cite this article (APA): Mohd Alif, J., Siti Hajar, A. B. A., Noralina, O., & Norruzeyati, C. M. N. (2021). The Homeless Life of Ex-Prisoners from the Ecological Perspective: A Case Study in Chow Kit, Kuala Lumpur. *GEOGRAFI*, 9(1), 62-84. <https://doi.org/10.37134/geografi.vol9.1.4.2021>

**ABSTRAK** *Penumpuan gelandangan bekas banduan di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur telah menarik minat dan menjadi keingintahuan pengkaji untuk meneroka kehidupan mereka dari perspektif ekologi. Dengan menggunakan Teori Ekologi Manusia, kehidupan jalanan golongan bekas banduan diteroka. Sebuah kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif telah dilakukan ke atas 15 orang gelandangan bekas banduan yang berada di sekitar Chow Kit, Kuala Lumpur. Maklumat kajian diperolehi dengan menggunakan teknik temu bual mendalam dan data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian Atlas.Ti. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat tema ditemui yang berkaitan dengan faktor persekitaran iaitu tiada sistem sokongan, tiada peluang untuk mengubah nasib, tiada harapan dan motivasi dan perjalanan hidup yang kompleks. Keempat-empat tema tersebut menjelaskan bahawa wujudnya hubungan yang tidak harmoni di antara responden kajian dengan sistem-sistem di persekitarannya yang menghadkannya untuk memperoleh kualiti hidup yang lebih baik dan seterusnya menghalang untuk berintegrasi dengan masyarakat. Oleh yang demikian, intervensi untuk membendung gelandangan bekas banduan dan membantu mengembalikan mereka ke pangkuan masyarakat memerlukan gandingan bersepadu daripada sistem formal dan tidak formal dalam masyarakat.*

**Kata kunci:** perspektif ekologi, integrasi semula, kehidupan, gelandangan, bekas banduan

**ABSTRACT** *The concentration of ex-prisoners being homelessness in big cities such as Kuala Lumpur has attracted the interest and curiosity of researchers to explore their lives from the*

*ecological perspective. Using the Theory of Human Ecology, the street life of ex-prisoners have been explored. A study using a qualitative approach was conducted on 15 homeless former prisoner in the vicinity of Chow Kit, Kuala Lumpur. Study information was obtained using in-depth interview techniques and data were analyzed using Atlas.Ti software. The results showed that there were four themes found that were related to environmental factors namely no support system, no opportunity to change destiny, no hope and motivation and complex life journey. All four themes explain that there is a disharmonious relationship between the respondents' life and the systems within their environment that limits them to obtain a better quality of life and subsequently hinder them to integrate with society. Thus, interventions to curb the homelessness of ex-prisoners and help reintegrate them to society require an integrated partnership of the formal and informal systems in the society.*

**Keywords:** ecological perspectives, reintegration, life, homelessness, ex-prisoners

## 1. Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk meneroka kehidupan bekas banduan yang menjadi orang gelandangan dari perspektif ekologi. Kajian terdahulu mendapati sejumlah besar bekas banduan yang dibebaskan dari penjara tidak mempunyai tempat untuk dituju, malahan terpaksa terus menganggur dan mengalami penolakan dari keluarga disebabkan oleh rekod pemenjaraan (Brunton-Smith & McCarthy, 2017; Herbert et al., 2015; McKernan, 2017). Perjalanan hidup tanpa hala tuju menjadikan gelandangan bekas banduan berterusan tersekat di dalam kancah kehidupan yang daif dan miskin. Ia merupakan suatu yang menyedihkan apabila gelandangan bekas banduan tidak mempunyai jalan keluar daripada kehidupan di jalanan dan tidak mempunyai peluang untuk mengubah nasib menjadi insan yang produktif dan mampu menyumbang kepada masyarakat. Hasil penelitian kepada isu ini, pengkaji menjangkakan intervensi yang bersesuaian dapat dirangka bagi mengurangkan masalah gelandangan dalam kalangan bekas banduan sekaligus memastikan gelandangan bekas banduan dapat menjadi produktif dan tidak melibatkan diri dalam kegiatan tingkah laku antisosial atau jenayah berulang.

Gelandangan bekas banduan merupakan sebuah komuniti rentan yang amat terdedah dengan pelbagai cabaran hidup dan keterbatasan selepas bebas dari penjara. Malahan lebih menyayatkan hati apabila ada sebahagiannya yang terpaksa menghadapi cabaran berterusan dalam hidupnya (Davis et al., 2012). Kesemua bentuk halangan dan cabaran yang dihadapi sebenarnya memberi cabaran yang besar buat gelandangan bekas banduan dan terpaksa memilih untuk hidup sebagai gelandangan. Ada di antara mereka yang terpaksa melibatkan diri

dengan jenayah atau aktiviti antisosial sebagai suatu bentuk mekanisme daya tindak dalam menghadapi kehidupan sebenarnya. Seringkali situasi sebegini telah menjadi suatu budaya baharu apabila berlakunya penumpuan gelandangan bekas banduan yang hidup di kota raya. Pelbagai agensi kerajaan yang mula sedar tentang perkara yang dihadapi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Penjara Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Yayasan Kebajikan Negara dan Polis Diraja Malaysia. Tetapi demikian, masih belum ada intervensi yang benar-benar bersesuaian dalam membantu golongan gelandangan bekas banduan dalam mengubah nasib mereka agar dapat keluar daripada kehidupan jalanan.

Dengan meneroka kehidupan mereka menggunakan perspektif ekologi, cabaran, halangan dan kesulitan yang mereka hadapi selepas keluar daripada penjara dapat difahami dengan lebih baik. Dengan itu, untuk membantu bekas banduan dapat dilakukan dengan lebih terfokus. Pelbagai bantuan dan sistem sokongan yang dapat diperkenalkan sebagai bantuan tambahan seperti makanan, tempat tinggal, bantuan perumahan sokongan dan rawatan untuk memastikan kehidupan gelandangan bekas banduan yang lebih baik. Hal ini kerana keperluan gelandangan bekas banduan bukan melibatkan satu sahaja bentuk keperluan sebaliknya mereka mempunyai pelbagai defisit keperluan yang perlu dipenuhi segera seperti tempat tinggal, makanan dan pekerjaan. Kajian ini berusaha untuk mengecilkan jurang yang wujud dalam bidang pengetahuan kerja sosial, keadilan jenayah, dan kriminologi tentang gelandangan bekas banduan di Malaysia. Kekurangan kajian tempatan tentang gelandangan bekas banduan menjadikan kajian ini sangat penting untuk dijalankan. Zondi (2021) bersetuju bahawa masyarakat perlu diberi kesedaran tentang kehidupan bekas banduan. Hal ini kerana bekas banduan yang dibebaskan akan kembali ke dalam masyarakat. Maka, masyarakat mempunyai tugas besar dalam menjadi medium dan agen dalam membantu memudahkan kehidupan gelandangan bekas banduan ini. Pengkaji berpendapat, sekiranya masyarakat mempunyai tanggungjawab membantu gelandangan bekas banduan dalam proses integrasi, ia mampu mengubah nasib golongan tersebut. Hal ini mendorong pengkaji untuk melaksanakan kajian bagi meneliti persekitaran ekologi gelandangan bekas banduan yang menyukarkan proses integrasi semula. Dapatan kajian ini diharap dapat dijadikan input untuk merancang intervensi yang lebih berkesan untuk membantu golongan tersebut keluar daripada kehidupan di jalanan. Kajian ini didasari oleh Teori Ekologi yang dipelopori oleh Bronfenbrenner.

## **2. Sorotan Literatur**

## **2.1 Senario Gelandangan Di Malaysia**

Bekas banduan merupakan individu yang telah dibebaskan dari penjara dan mempunyai rekod pemenjaraan. Ramai bekas banduan yang dibebaskan sering mendapati diri mereka ibarat melangkah ke penjara kedua. Hal ini kerana kehidupan mereka menghadapi pelbagai sekatan peluang dan penuh dengan cabaran menyukarkan harapan untuk berintegrasi semula ke dalam masyarakat (Berg & Huebner, 2011; Denver et al., 2017; Maruna, 2011). Kajian ini memfokus kepada gelandangan bekas banduan yang mempunyai rekod pemenjaraan tanpa mengira jenis kesalahan. Kajian ini akan membincangkan tentang ekologi kehidupan gelandangan bekas banduan.

Bahagian ini akan menjelaskan mengenai takrifan gelandangan. Tinjauan yang dilakukan selama tiga dekad terakhir menunjukkan bilangan gelandangan semakin bertambah dan terdiri daripada pelbagai kategori umur, jantina, etnik dan komposisi keluarga (Grant et al., 2013). Ketiadaan takrifan yang jelas mengenai konsep gelandangan menyukarkan kajian untuk mengkategorikan atau membincangkan kehidupan gelandangan bekas banduan yang ada di Malaysia. Berikutan itu juga, wujud pelbagai interpretasi sosial tentang takrifan gelandangan. Hanson-Easey et al. (2016) mentakrifkan gelandangan kepada tiga pengelasan iaitu gelandangan primer yang merupakan individu yang tidak berumah dan tinggal di jalanan, gelandangan sekunder iaitu individu yang bergerak di antara tempat perlindungan sementara termasuk tinggal di rumah kawan, keluarga atau penginapan sementara dan gelandangan tertier iaitu individu yang tinggal di bilik sewa yang mana persekitaran tempat tinggalnya mempunyai tahap keselamatan yang kurang baik.

Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menunjukkan seramai 1,934 orang gelandangan (orang papa pengemis) pada tahun 2009, seramai 1,434 orang pada tahun 2010, seramai 1,446 orang pada tahun 2011, seramai 1,223 orang pada 2012, seramai 1,048 orang pada tahun 2013, seramai 1469 orang pada tahun 2014, seramai 1,527 orang pada tahun 2015 dan meningkat kepada 2278 orang pada 2016. Menurut Idris dan Ramli (2017), berlakunya penambahan jumlah gelandangan di bandar-bandar besar dalam negara seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Johor. Ianya disokong oleh kajian Ramli dan Dawood (2017) yang menyatakan jumlah gelandangan yang tertinggi adalah berada di Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang. Namun demikian, tiada statistik tentang jumlah gelandangan yang ada dari kategori individu yang memiliki rekod penjara. Walau bagaimanapun, beberapa kajian tempatan yang ada menyebut tentang lokaliti Kuala Lumpur sebagai tempat tumpuan gelandangan termasuklah bekas banduan (Berawi & Ismail, 2019; Idris & Ramli, 2017; Jasni et al., 2018; Jasni et al., 2019; Ramli &

Dawood, 2017; Yani et al., 2016). Ia membuktikan fenomena penumpuan gelandangan bekas banduan wujud. Maka, kajian ini cuba memberi keadilan sebenar ke atas perbincangan tentang gelandangan yang hadir dalam spektrum yang pelbagai. Salah satunya ialah gelandangan bekas banduan sebagai kelompok rentan yang wujud di dalam komuniti gelandangan ini.

## **2.2 Kehidupan Bekas Banduan Sebagai Gelandangan**

Kajian literatur ini hanya memberi tumpuan kepada gelandangan bekas banduan yang terdiri daripada individu yang mengalami masalah gelandangan mutlak; iaitu mereka yang tidak mempunyai akses tempat perlindungan, bilik sewa atau tempat tinggal yang sesuai. Mereka mengalami ketiadaan tempat tinggal untuk berlindung selepas berada di luar institusi. Terdapat pelbagai punca yang menyebabkan bekas banduan menjadi gelandangan. Sembilan daripada sepuluh gelandangan menghadapi cabaran dan halangan seperti penyalahgunaan fizikal, masalah mental, penyalahgunaan dadah, alkohol dan kemiskinan (Ku Yaacob et al., 2017).

Masalah gelandangan dalam kalangan bekas banduan ini mungkin tidak secara automatik membawa kepada pengulangan jenayah atau residivisme. Secara tidak langsung, mereka ini cenderung kepada pengaruh negatif dan berbahaya yang mengelilingi kehidupan mereka seperti penyalahgunaan dadah, kenalan negatif, dan persekitaran yang diskriminasi dan desktruktif. Kajian menunjukkan bahawa pemenjaraan boleh membawa kepada kesan negatif seperti ketidakupayaan untuk mendapatkan tempat tinggal dalam kalangan bekas banduan. Ia terbukti apabila berlakunya penumpuan gelandangan bekas banduan dalam jumlah yang tinggi di kota raya. Selain itu, Herbert et al. (2015) mendapati masalah mental, penyalahgunaan dadah dan alkohol merupakan faktor penentu yang membawa kepada isu gelandangan dalam kalangan bekas banduan. Penyalahgunaan dadah dan penyakit mental ialah faktor risiko utama yang menyebabkan bekas banduan kehilangan tempat tinggal dan pemenjaraan semula. Kepelbagaian faktor risiko gelandangan yang wujud telah menyebabkan bekas banduan yang dibebaskan tidak mempunyai pilihan melainkan untuk hidup sebagai orang jalanan apabila berada di dalam komuniti. Cabaran dalam mendapatkan kediaman yang stabil disebabkan oleh sejarah masalah kesihatan mental atau penyalahgunaan dadah dalam kalangan bekas banduan menyebabkan kebanyakan mereka berakhir sebagai seorang gelandangan (Hammett et al., 2000).

Walaupun begitu, isu gelandangan dalam kalangan bekas banduan di Malaysia tidak banyak dibincangkan secara akademik. Walhal kelompok

gelandangan bekas banduan ternyata sedang berlaku di dalam negara. Berikutan itu, tidak ada penyelidikan khusus yang memberi tumpuan dan penekanan kepada masalah gelandangan dalam kalangan bekas banduan. Idea yang dijana daripada kajian ini dijangka akan memberi pandangan baharu dan menyumbang pengetahuan dalam kerangka pengetahuan sistem keadilan jenayah dan kerja sosial pemulihan di Malaysia. Pengkaji berhasrat untuk mengubah landskap pemikiran dan pengetahuan tentang gelandangan seterusnya membantu mereka untuk proses integrasi semula ke dalam masyarakat.

### **2.3 Ekologi Kehidupan Gelandangan Berlandaskan Teori Ekologi Manusia**

Kerangka teori merupakan panduan kepada pengkaji dalam menjalankan kajian dengan membuat ramalan tentang pembolehubah kajian. Teori Ekologi Manusia merupakan sebuah teori yang diperkenalkan oleh penyelidik Urie Bronfenbrenner pada tahun 1977. Teori Ekologi Manusia merupakan teori yang menganalisis hubungan individu dengan sistem-sistem di persekitarannya yang mana sistem-sistem tersebut memberi kesan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung ke atas kehidupannya.

Teori Ekologi Manusia menjelaskan bahawa terdapat lima sistem yang mempengaruhi kehidupan seseorang iaitu sistem mikro, sistem meso, sistem ekso (luaran), sistem makro dan sistem krono. Bronfenbrenner memberi penekanan terhadap aspek sosial yang menjadi faktor utama dalam pembentukan sikap dan tingkah laku seseorang. Dari perspektif ekologi, kehidupan sebagai gelandangan adalah hasil interaksi di antara faktor persekitaran mikro, meso, ekso, makro dan krono (Nooe & Patterson, 2010). Interaksi kesemua faktor tersebut memberi kesan kepada pengakhiran seseorang sebagai gelandangan. Apabila bebas dari penjara, sebahagian besar daripada mereka tidak kembali kepada keluarga kerana tidak mempunyai hubungan yang erat dan tidak mendapat sokongan keluarga. Dalam pada itu, mereka mempunyai hubungan dan sokongan yang kuat daripada rakan senasib. Selain itu, stigma sebagai bekas banduan menyukarkan peluang mereka untuk diterima secara positif oleh masyarakat. Kesannya, mereka dipandang hina oleh masyarakat dan sukar mendapat pekerjaan. Krajweska-Kulak et al. (2016) mendapati faktor ketiadaan pekerjaan merupakan faktor utama yang menyebabkan terjadinya fenomena gelandangan. Selain itu, kegusaran majikan untuk menerima bekas banduan untuk bekerja menyebabkan jumlah gelandangan dalam kalangan mereka adalah sangat tinggi (Bakar, 2016). Keadaan yang miskin dan serba kekurangan juga membuatkan mereka tidak mampu memiliki tempat tinggal dan sering mengharapkan ihsan orang lain untuk menyambung kehidupan. Rentetan itu, golongan tersebut membina kelompok mereka sendiri

dan meneruskan hidup dengan cara mereka. Keadaan yang berlarutan membuatkan mereka rasa rendah diri, kurang yakin diri dan terdesak untuk melakukan tingkah laku yang melanggar norma sosial dan undang-undang demi kelangsungan hidup. Ini terbukti apabila kajian terdahulu menunjukkan gelandangan mempunyai tingkah laku salah atau sering melanggar norma atau peraturan dalam masyarakat setempat (Mustafar et al., 2018). Kajian terdahulu juga menunjukkan sebilangan gelandangan mempunyai penyakit mental dan masalah penyalahgunaan dadah (Bhugra, 2007; Lowe & Gibson, 2011; Rickards et al., 2010).

Teori Ekologi Manusia sangat sesuai digunakan untuk memahami bagaimana bekas banduan berakhir hidup di jalanan. Maka dengan itu, adalah penting untuk memahami persekitaran hidup gelandangan melalui perspektif ekologi yang menekankan saling hubungan antara sistem-sistem yang mengelilingi kehidupannya. Dengan kata lain, gelandangan bekas banduan tidak mampu berintegrasi semula ke dalam masyarakat bukan semata-mata faktor peribadi, malah turut dipengaruhi oleh faktor-faktor persekitarannya.

### **3. Metodologi Kajian**

#### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi membolehkan pengkaji menyelami kehidupan gelandangan bekas banduan yang hidup di jalanan. Pemilihan pendekatan kualitatif membolehkan pemerolehan data yang 'sebenar' dari gelandangan bekas banduan yang melalui kehidupan gelandangan sendiri. Bekas banduan yang hidup secara bergelandangan tanpa rumah merupakan sampel kajian.

#### **3.2 Teknik Pengumpulan Data**

Kajian ini menggunakan kaedah fenomenologi. Melalui kaedah ini, pengkaji menggunakan teknik temu bual mendalam untuk mendapatkan maklumat kajian. Memandangkan sampel yang sukar dicapai, pengkaji telah memilih dua teknik persampelan iaitu teknik persampelan bertujuan dan teknik persampelan bola salji. Kajian ini telah menemubual seramai 15 orang bekas banduan. Proses temu bual telah dijalankan di pejabat Pertubuhan Kebajikan Kuala Lumpur Ar-Riqab yang terletak di Chow Kit. Pertubuhan ini membantu klien seperti penagih, bekas banduan, fakir miskin, pekerja seks, orang kurang upaya, orang yang hidup

bergelandangan di sekitar Chow Kit. Khidmat bantuan pertubuhan ini digunakan memandangkan mereka mempunyai hubungan yang erat dengan klien dan membolehkan penemuan dengan responden yang diperlukan. Pertubuhan ini telah mengenal pasti responden berdasarkan kriteria inklusif yang telah ditetapkan seperti tidak mempunyai tempat tinggal, mempunyai rekod pemenjaraan, tidak mempunyai pekerjaan yang stabil dan warganegara Malaysia.

### **3.3 Teknik Analisis Data**

Selepas mengumpulkan kesemua temu bual, penulis telah menukarkan rakaman ke dalam bentuk transkrip. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian Atlas.ti versi 9 untuk mengekod dapatan secara analisis tematik. Pengkaji telah memasukkan 15 dokumen transkrip ke dalam perisian Atlas.ti versi 9. Pengkaji telah memulakan pencarian kod-kod yang membawa kepada tentang kehidupan bekas banduan di jalanan. Sebaik selesai membuat kod, pengkaji telah mengelompokkan kod ini ke dalam tema mengikut kesesuaian bagi menjawab objektif kajian. Kemudian, pengkaji mengeluarkan laporan yang terhasil ke dalam bentuk dokumen Microsoft Words. Dengan laporan yang ada, pengkaji membuat perbincangan dan analisis. Proses kualitatif ini memerlukan penelitian dan perlu mengikut setiap prosedur yang telah ditetapkan.

## **4. Dapatan Kajian**

### **4.1 Profil Demografi Sosial Responden Kajian Gelandangan Bekas Banduan**

Kajian ini melibatkan 15 orang responden yang terdiri daripada gelandangan bekas banduan. Nama setiap responden dirahsiakan dan telah digantikan dengan nama samaran bagi merahsiakan identiti responden. Tindakan ini penting kerana ia merupakan satu kajian sensitif yang melibatkan responden yang berisiko tinggi untuk dilabel negatif oleh masyarakat. Penulis memaparkan profil demografi sosial responden gelandangan bekas banduan dalam Jadual 1. Jadual 1 menunjukkan majoriti responden telah melalui kehidupan gelandangan melebihi setahun. Terdapat empat responden yang telah menjadi gelandangan melebihi 20 tahun. Keadaan ini menunjukkan fenomena bekas banduan menjadi gelandangan sememangnya benar-benar berlaku di Malaysia. Kajian ini telah membuktikan kerevelenan untuk direkodkan secara sistematik agar menjadi panduan untuk kajian-kajian akan datang. Penulis telah berusaha menyusun semua dapatan

kajian berkaitan demografi ke dalam sebuah jadual bagi memudahkan pemahaman dan membuktikan tentang kepentingan kajian ini.

Berdasarkan Jadual 1, 14 adalah lelaki manakala seorang sahaja responden wanita. Umur responden adalah dari 30 hingga 80 tahun. Majoriti responden menunjukkan dari kalangan pengulanglaku jenayah. Hanya empat orang sahaja merupakan banduan kali pertama (*first time offender*). Seterusnya, 12 orang responden didapati ditangkap disebabkan oleh jenayah dadah. Sementara itu, sembilan orang responden mempunyai masalah ketagihan dadah. Pengkaji mendapati rata-rata responden menunjukkan ketagihan dadah yang tinggi dan pelbagai termasuk ganja dan heroin. Hanya empat orang responden yang menyatakan mereka berhenti daripada masalah ketagihan manakala hanya dua orang yang menyatakan tidak mempunyai sebarang ketagihan dadah. Menariknya untuk kajian ini, walaupun kehidupan mereka yang daif dan hidup sebagai gelandangan, namun sembilan orang responden menyatakan mereka tidak mempunyai sebarang penyakit kronik mahupun berjangkit. Ia suatu yang menarik kerana melihat daripada gaya hidup dan rekod sebagai penagih dadah ini.

**Jadual 1:** Profil Demografi Sosial Responden Gelandangan Bekas Banduan

No.	Demografi Responden	Jantina	Negeri Asal	Umur	Taraf Pendidikan	Jumlah pemenjaraan	Jenis jenayah	Tempoh gelandangan	Status Perkahwinan	Ketagihan dadah	Masalah kesihatan	Hubungan kekeluargaan
1	Jalil	Lelaki	Melaka	56 tahun	Tingkatan tiga	5 kali penjara	Dadah	3 tahun	Bujang	Berhenti	Tiada	Penolakan keluarga
2	Yusuf	Lelaki	Kelantan	40 tahun	Tingakatan tiga	4 kali	Dadah	4 tahun	Bujang	Ketagih	Tiada	Penolakan keluarga
3	Ilham	Lelaki	Kedah	33 tahun	Tingkatan dua	6 kali penjara	Curi dan dadah	5 tahun	Bujang	Ketagih (Heroin)	Tiada	Penolakan keluarga
4	Iman	Lelaki	Perak	56 tahun	Tingkatan 6	36 rekod	Dadah	2 tahun	Bujang	Ketagih	Hanya Asma	Penolakan keluarga
5	Halim	Lelaki	Perak	35 tahun	Darjah 6	1 kali penjara	mencuri	2 tahun	Bujang	Tiada ketagihan	Tiada	Isteri dipenjara di kajang Mak masih hidup. Ayah sudah meninggal
6	Shima	Perempuan	Sarawak	30 tahun	Tingkatan 3	24 kali (keluar masuk penjara)	IC hilang dan dadah	12 tahun	Janda	Ketagihan	HIV	Penolakan keluarga/ disingkir oleh keluarga
7	Yusairi	Lelaki	Perak	36 Tahun	Sijil Kemahiran	6 Kali	Jenayah pecah masuk	8 Tahun	Duda	Ketagihan	Hepatitis c	Penolakan keluarga
8	Azim	Lelaki	Negeri Sembilan	60 Tahun	Tingkatan 5	4 kali	Dadah (Heroin)	30 Tahun	Duda	Ketagihan (Heroin)	Tiada	Tidak mahu mengganggu keluarga

Sambungan Jadual 1: Profil Demografi Sosial Responden Gelandangan Bekas Banduan

No	Demografi Responden	Jantina	Negeri Asal	Umur	Taraf Pendidikan	Jumlah pemenjaraan	Jenis jenayah	Tempoh gelandangan	Status Perkahwinan	Ketagihan dadah	Masalah kesihatan	Hubungan kekeluargaan
9	Rahim	Lelaki	Selangor	56 Tahun	Tingkatan 5	8 kali	Dadah	4 Tahun	Berkahwin	Berhenti	Tiada	Keluarga isteri membantu
10	Akbar	Lelaki	Kedah	53 Tahun	Tingkatan 5	3 Kali	Dadah	20 tahun	Bujang	Berhenti (sedang mengambil program methadone)	Tiada	Tidak mahu mengganggu keluarga
11	Manaf	Lelaki	Selangor	59 Tahun	Tingkatan 5	1 kali	Dadah	1 Tahun	Duda	Tidak mempunyai ketagihan	Tiada	Penolakan Keluarga
12	Naim	Lelaki	Kuala Lumpur	64 Tahun	Tingkatan 5	9 kali	7 Dadah dan 2 senjata	32 Tahun (berulang kali menjadi gelandangan)	Duda	Ketagihan (heroin)	Tiada	Responden menjauhkan diri dari keluarga.
13	Danish	Lelaki	Perak	80 Tahun	Darjah 6	1 kali (32 tahun penjara)	Jual ganja	20 Tahun (pernah tinggal di PTG dan akhirnya hidup di jalanan)	Duda	Ketagihan (ganja)	Darah tinggi, kencing manis dan kolesterol	Responden tidak mahu menyusahkan anak-anaknya.

14	Faiz	Lelaki	Melaka	59 Tahun	Darjah 6	1 kali	Dadah	7 tahun (gelandangan)	Bujang	Berhenti	Asma	Responden tidak mahu menyusahkan keluarga.
15	Zamani	Lelaki	Kedah	31 Tahun	Tingkatan 3	6 Kali	Dadah	3 Tahun	Bujang	Ketagihan	Psikologi	Adik beradik tidak boleh menerima responden

---

Berdasarkan Jadual 1 juga, lapan orang responden didapati ditolak oleh keluarga. Majoriti mereka memilih untuk tidak lagi mengganggu keluarga dengan keluar dari kampung halaman dan menetap di Kuala Lumpur sebagai gelandangan. Hanya seorang responden yang telah berkahwin manakala lapan orang responden adalah bujang dan selebihnya adalah duda atau janda. Kajian menunjukkan majoriti gelandangan bekas banduan telah hidup di jalanan dalam tempoh yang begitu panjang. Keadaan ini membawa kepada persoalan tentang sokongan dan bantuan yang telah diterima oleh mereka sepanjang dibebaskan dari penjara. Dua persoalan yang dikaji adalah untuk mengenal pasti sokongan dan bantuan yang diterima serta keperluan asas yang diperlukan oleh mereka untuk keluar dari kehidupan jalanan. Pengkaji melampirkan dapatan ini kepada dua subtopik berbeza bagi membolehkan pemahaman yang jelas.

## 4.2 Ekologi Gelandangan Bekas Banduan

Dapatan kajian temubual yang dilakukan ke atas 15 orang responden gelandangan bekas banduan tentang perspektif mereka terhadap ekologi kehidupan di jalanan yang telah membawa kepada penemuan empat tema yang menarik untuk diketengahkan di dalam kajian. Antaranya seperti berikut:

### i. Kehidupan tanpa sistem sokongan

Rata-rata responden menyatakan kehidupan yang dilalui adalah tanpa sistem sokongan. Responden merasakan ketiadaan sistem sokongan menyebabkan kehidupan mereka berterusan di jalanan. Responden turut mengutarakan tentang tidak mempunyai sistem sokongan daripada keluarga disebabkan oleh penolakan. Sistem sokongan daripada rakan-rakan yang hanya daripada kalangan rakan-rakan senasib. Mereka terpaksa menjalani hidup sendirian di jalanan. Berikut merupakan kenyataan-kenyataan yang timbul apabila ditanya pandangan mereka mengenai hidup di jalanan. Antara petikan temu bual berkaitan hal ini adalah seperti berikut:

*“Hidup di jalanan sebenarnya banyak bersendirian tanpa sebarang sokongan daripada siapa-siapa. Keluarga pun sudah tiada. Sudah lama tidak mengetahui tentang mereka ini. Akhirnya saya banyak menghabiskan hidup berseorangan di kota raya”*

(Jalil/ Lokasi: Chow Kit)

*“Saya memang banyak hidup sendiri-sendiri sahaja. Sememangnya tiada sokongan yang wujud. Saya sebatang kara bila di Kuala Lumpur. Keluarga memang sudah tidak mengambil peduli. Mereka pun tidak tahu sama ada saya masih hidup lagi”*

(Manaf/ Lokasi: Chow Kit)

Keadaan ini menyebabkan pengkaji turut bertanya tentang bagaimana sokongan dan bantuan daripada rakan-rakan sekeliling yang diberikan memberi impak kepada ekologi perjalanan kehidupan sebagai gelandangan. Rata-rata telah memberi kenyataan yang hampir serupa di mana rakan-rakan mereka adalah dalam kalangan yang hidup seperti mereka juga dan senasib. Berikut merupakan petikan temu bual yang ditemui:

*“Kawan yang ada pun macam saya juga hidup bersendirian di Kuala Lumpur. Saya pun tidak mahu menyusahkan dia dan mereka pun tidak mahu menyusahkan saya. Cuma mereka ini bantu dari segi memberi makanan dan bantuan yang ada di Kuala Lumpur”*

(Halim/ Lokasi: Chow Kit)

*“Kalau ikutkan, kawan yang saya berkawan pun gelandangan juga dan penagih dadah. Saya sedar keadaan hidup saya. Maka saya buat kawan pun dengan orang yang serupa macam saya. Mereka ini pun hidup berseorangan juga di Kuala Lumpur tanpa keluarga yang membantu”*

(Danish/ Lokasi: Chow Kit)

Keadaan ini telah memperlihatkan kehidupan gelandangan bekas banduan sememangnya bersendirian. Mereka hidup di jalanan tanpa sebarang sistem sokongan yang boleh diharapkan. Sistem sokongan sama ada di persekitaran mikro, meso, ekso atau makro memainkan peranan yang penting dalam kehidupan bekas bantuan untuk mengembalikan mereka ke dalam masyarakat. Dengan kata lain, sistem sokongan yang berkesan mampu membantu mereka untuk berintegrasi dengan lebih baik ke dalam masyarakat dan situasi ini mampu membendung kes gelandangan daripada terus meningkat.

## **ii. Ketiadaan peluang untuk mengubah nasib**

Malahan, responden turut menyatakan ketiadaan peluang untuk mengubah nasib. Mereka tidak tahu apa yang perlu dilakukan dalam membawa peluang yang lebih baik. Akhirnya mereka mula merasakan tiadanya peluang dan ruang buat mereka untuk berubah.

*“Saya tidak nampak apa-apa peluang yang boleh mengubah nasib saya ini. Hidup di jalanan ini memang macam itu sahaja setiap hari tanpa peluang”*

(Iman/ Lokasi: Chow Kit)

*“Hidup gelandangan ini susah nak berpeluang untuk berubah. Kita tersekat dengan hidup macam ini. Saya sudah bertahun jadi gelandangan sejak keluar dari penjara. Memang ikutkan saya tidak nampak peluang yang ada untuk saya”*

(Shima/ Lokasi: Chow Kit)

*“Tak ada peluang untuk berubah. Perjalanan hidup hampir sama sahaja setiap hari. Saya bangun pagi dan buat aktiviti yang sama macam cari duit. Nak dapat kerja tetap pun sangat susah sangat. Lagi-lagi dengan Pandemik Covid-19. Tak ada majikan nak ambil buat masa ini”*

(Akbar/ Lokasi: Chow Kit)

*“Perjalanan hidup yang tiada peluang untuk berubah. Saya sudah lama duduk kat Kuala Lumpur. Saya tak nampak lagi peluang untuk tak nak jadi gelandangan”*

(Zamani/ Lokasi: Chow Kit)

Peluang yang diwujudkan oleh sistem di persekitaran memainkan peranan yang penting dalam kehidupan bekas bantuan untuk mengembalikan mereka ke dalam masyarakat. Dengan adanya peluang, mereka dapat berusaha untuk mengubah nasib mereka dan ini secara tidak langsung dapat membantu mereka untuk berintegrasi dengan lebih baik ke dalam masyarakat dan situasi ini mampu membendung kes gelandangan daripada terus meningkat.

### **iii. Tiada harapan dan motivasi**

Terdapat juga responden yang menyatakan perasaan tiada harapan dan motivasi. Mereka sedar perjalanan hidup mereka tetap akan berakhir sebagai gelandangan. Mereka menjalani kehidupan walaupun tanpa rasa adanya harapan dan motivasi buat mereka ini. Antara verbatim yang terkumpul:

*“Memang tak de harapan hidup sebagai gelandangan. Hari-hari bangun hanya buat benda yang saya sudah tahu apa nak buat. Kadang-kadang tidak berasa bersemangat juga. Tapi apakan daya. Ini jalan yang saya terima.”*

(Yusuf/ Lokasi: Chow Kit)

*“Punah harapan sebenarnya. Saya pun tidak berharap sangat kalau boleh buat apa-apa dalam hidup. Saya buat hal saya. Setiap pagi bangun dan setiap malam, saya akan cari tempat tidur”*

(Yusairi/ Lokasi: Chow Kit)

*“Ikutkan motivasi itu memang rendah sahaja bila di jalanan. Sebab saya tahu nasib saya macam ini memang tak ada harapan”*

(Naim/ Lokasi: Chow Kit)

Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa kesukaran untuk berintegrasi ke dalam masyarakat dan kehidupan di jalanan yang berpanjangan berisiko mewujudkan kekecewaan dan merendahkan tahap motivasi untuk membawa perubahan diri. Dari perspektif ekologi, sistem krono iaitu perjalanan hidup yang dilalui untuk suatu tempoh masa berupaya memberi kesan kepada tingkah laku dan reaksi seseorang terhadap kehidupannya.

#### **iv. Perjalanan hidup yang kompleks**

Rata-rata responden turut menyatakan perkara sama tentang kehidupan mereka yang rumit dan mencabar. Perjalanan hidup yang penuh dengan cabaran dan kegagalan menjadikan mereka terpaksa hidup sebagai gelandangan. Pengkaji melampirkan verbatim yang menyebut tentang perkara ini:

*“Orang ingat hidup jalanan ini macam mudah. Orang selalu fikir kita hanya tidur di jalanan. Tapi orang tidak fikir bagaimana kami menjalani perjalanan setiap hari”*

(Ilham/ Lokasi: Chow Kit)

*“Hidup sangat susah dan rumit. Kadang-kadang boleh kena tahan dengan polis bila hidup di tepi jalan. Masyarakat tengok kita pun macam lain macam juga”*

(Halim/ Lokasi: Chow Kit)

*“Tak ada yang mudah hidup ini (menjadi gelandangan). Kadang-kadang kerja pun gaji harian. Gaji pun memang tidak banyak. Memang cukup-cukup makan. Lepas itu fikir cari kerja lain pula esok”.*

(Danish/ Lokasi: Chow Kit)

Perjalanan hidup yang kompleks turut menjadi faktor kesukaran untuk berintegrasi ke dalam masyarakat dan kehidupan di jalanan yang berpanjangan berisiko mewujudkan kekecewaan dan merendahkan tahap motivasi untuk membawa perubahan diri. Berkaitan tema ‘kehidupan yang kompleks’, dapatan kajian sekali lagi menegaskan bahawa sistem krono iaitu perjalanan hidup yang dilalui untuk suatu tempoh masa berupaya memberi kesan kepada tingkah laku seseorang terhadap kehidupannya sama ada secara positif mahupun negatif.

## 5. Perbincangan, Analisis dan Cadangan Intervensi

Dengan menggunakan Teori Ekologi Manusia Bronfenbrenner (1976) dan gelandangan bekas banduan sebagai unit analisis, pengkaji akan membincangkan persekitaran kehidupan gelandangan menerusi lima sistem. Hasil dapatan yang diperolehi adalah selari dengan Teori Ekologi Manusia yang digunakan. Pemahaman kehidupan gelandangan bekas banduan dapat diterokai menerusi penggunaan Teori Ekologi Manusia ini. Pengkaji akan membincangkan perjalanan kehidupan gelandangan berdasarkan sistem-sistem yang telah dinyatakan dari teori ini. Pertama sekali dari sudut sistem mikro, ia merupakan persekitaran terdekat yang memberi kesan langsung kepada kehidupan gelandangan. Dalam konteks ini, sistem mikro bagi mereka ialah rakan senasib. Hal ini kerana hubungan mereka dengan rakan senasib adalah sangat akrab, saling membantu dan menyokong antara satu sama lain. Keluarga juga berada dalam lingkungan sistem mikro, namun hubungan mereka dengan keluarga yang berkonflik dan tidak kukuh memberi kesan negatif kepada kehidupan mereka. Hubungan yang tiada daripada ahli keluarga menjadikan mereka berterusan hidup di jalanan. Dalam konteks sistem meso, stigma dan diskriminasi masyarakat sekitar menambahkan lagi cabaran mereka untuk berintegrasi ke dalam masyarakat, menipiskan peluang untuk mereka mendapat pekerjaan dan seterusnya membuatkan mereka hidup dalam kekecewaan dan putus asa. Dalam konteks sistem ekso pula, golongan gelandangan bekas banduan seringkali dipinggirkan daripada pelbagai perkhidmatan dan bantuan sosial disebabkan pelbagai kekurangan yang ada pada mereka. Dari segi sistem makro, cara hidup jalanan, kemiskinan dan mempunyai rekod jenayah telah membuatkan mereka terlepas banyak peluang dan mengalami peminggiran sosial seperti tidak mengetahui mengenai maklumat bantuan, tercicir daripada senarai penerima bantuan, tidak mempunyai akses internet untuk mengakses pelbagai maklumat dan peluang sosial. Dari aspek sistem krono, kehidupan yang berpanjangan di jalanan telah membentuk suatu sikap negatif dalam diri mereka seperti kurang motivasi, menerima diri seadanya dan tidak mahu meletakkan sebarang harapan untuk mengubah kepada kehidupan yang lebih baik.

Sistem keadilan yang sedia memfokuskan aspek penguatkuasaan iaitu dari tempoh ditangkap membawa kepada penghakiman di mahkamah dan berakhir ke dalam penjara untuk menjalani pemulihan. Namun demikian, tiada program yang benar-benar terancang untuk membantu bekas banduan. Keadaan tanpa sebarang sokongan dan bantuan lanjutan menjadikan golongan bekas banduan yang tiada hala tuju dan matlamat dalam hidup telah berakhir menjadi gelandangan. Komponen sistem keadilan jenayah meletakkan tanggungjawab sepenuhnya kepada bekas banduan yang dibebaskan untuk berdikari apabila kembali ke dalam masyarakat. Namun, ia agak mustahil untuk bekas banduan ini berintegrasi semula disebabkan oleh faktor diskriminasi, stigma masyarakat serta tidak diterima oleh keluarga. Maka, akhirnya golongan ini meneruskan hidup di jalanan. Ini memberi gambaran bahawa

sistem keadilan jenayah yang bertindak sebagai medium pemulihan perlu ditambahbaik.

Melalui bahagian perbincangan dan analisis ini, fokus utama adalah mencadangkan mengenai peranan polis, pihak penjara dan mahkamah dalam memainkan peranan mereka dalam isu gelandangan kalangan bekas banduan. Komponen pertama adalah pihak polis. Sebagai salah satu komponen sistem keadilan jenayah, pihak polis memainkan peranan yang agak berat dalam menangani masalah gelandangan dalam kalangan bekas banduan. Hal ini kerana peranan yang dimainkan oleh pihak polis sebenarnya memerlukan sokongan padu daripada masyarakat sekeliling.

Selain tugas polis dalam menjaga keselamatan dan keamanan negara, komponen ini juga perlu terus menekan pembanteras dan pencegahan jenayah yang bersifat holistik. Bagi merealisasikan, polis perlu sentiasa memastikan kemufakatan antara mereka dan masyarakat terus terjalin erat, sekaligus berusaha meningkatkan penyampaian perkhidmatannya kepada seluruh masyarakat. Ini dapat dikaitkan dengan isu dalam kalangan bekas banduan. Pihak polis memainkan peranan dengan memantau gelandangan bekas banduan melalui kerjasama masyarakat dan ahli komuniti. Pihak polis perlu memberi kesedaran kepada masyarakat supaya menerima bekas banduan untuk bersama-sama hidup secara muafakat dalam kalangan mereka.

Komponen kedua sistem keadilan jenayah seperti pihak Jabatan Penjara Malaysia. Peranan yang dimainkan oleh pihak penjara perlu dilihat melalui pelantikan pegawai parol yang menjalankan tugas sebagai penyelia bagi bekas banduan yang masih perlu mendapatkan pemerhatian. Pegawai parol yang dilantik dalam kalangan kakitangan penjara adalah bertujuan untuk memastikan bekas banduan yang bebas dalam masyarakat dapat berintegrasi semula ke dalam masyarakat. Sebagai contoh, program berasaskan mentor antara pegawai penjara dengan bekas banduan. Program sebegini boleh dilaksanakan untuk melihat kepada perkembangan emosi bekas banduan untuk melalui kehidupan bermasyarakat. Pegawai akan sentiasa memantau dan bertanya bekas banduan akan proses kehidupan mereka selepas dibebaskan.

Komponen ketiga sistem keadilan jenayah adalah pihak mahkamah. Peranan pihak mahkamah lebih menumpukan kepada pendakwaan semula bekas banduan jika berlakunya pengulangan jenayah dalam kalangan mereka. Rekod penyabit semula dapat ditentukan menerusi jumlah keputusan mahkamah yang dibuat dalam menentukan seseorang individu itu telah melakukan satu jenayah baru atau jenayah berulang. Mahkamah lebih menumpukan kepada peranan untuk mendakwa bekas banduan jika mereka melakukan jenayah baharu berbanding jenayah berulang.

## **6. Kesimpulan**

Kesimpulannya, pengkaji sekali lagi ingin menegaskan bahawa persekitaran yang melingkari kehidupan seseorang berupaya membentuk sikap, tingkah laku dan cara hidupnya. Sistem-sistem yang berada di sekeliling individu memainkan peranan penting dalam membentuk dirinya. Tidak dinafikan bahawa hubungan antara individu dan sistem di persekitarannya bersifat dua hala, iaitu saling mempengaruhi antara satu sama lain. Magnitud pengaruh pula boleh menjadi ke arah positif atau negatif. Dari segi pengaruh pula, sudah tentu faktor yang dominan berupaya menguasai faktor yang lebih lemah. Oleh yang demikian, intervensi untuk membendung gelandangan bekas banduan dan membantu mengembalikan mereka kepada masyarakat memerlukan gandingan bersepadu daripada sistem-sistem formal dan tidak formal yang berada dalam masyarakat. Walaupun gelandangan merupakan bekas banduan, mereka telah menjalani hukuman yang setimpal di penjara. Mereka juga telah melalui suatu proses pemulihan dan persediaan untuk kembali ke kehidupan normal. Maka, setelah menjalani proses hukuman dan pemulihan, golongan tersebut wajar diberi peluang untuk mengubah nasib agar dan dapat hidup berdikari. Perspektif ekologi jelas menunjukkan bahawa kehidupan bekas banduan boleh diubah dari kehidupan gelandangan kepada kehidupan normal sama seperti kelompok-kelompok lain.

Seperti dalam mana-mana kajian yang dijalankan, terdapat beberapa limitasi yang dapat dikenal pasti menerusi kajian yang dijalankan ini. Pertama, pengkaji mendapati limitasi dari segi teori yang digunakan. Hal ini kerana terdapat pelbagai teori lain yang turut penting dan boleh digunakan seperti Teori Fungsionalisme Struktural, Teori Konflik, Teori Strukturalisme, Teori Proses Sosial, Teori Struktur Sosial dan sebagainya dalam membincangkan kehidupan gelandangan bekas banduan sepanjang hidup di jalanan. Walau bagaimanapun kajian ini telah memilih untuk menggunakan Teori Ekologi Manusia walau menghadapi beberapa limitasi. Tetapi fokus utama kajian ini untuk menunjukkan hubungan gelandangan bekas banduan dengan sistem-sistem di persekitarannya yang mana sistem-sistem tersebut memberi kesan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung ke atas kehidupan mereka ini. Maka, pengkaji melihat teori ini amat bersesuaian dengan objektif yang ingin diketengahkan.

Limitasi seterusnya adalah masalah dari segi persampelan kajian. Kajian ini telah menggunakan sampel yang agak kecil iaitu seramai 15 orang responden dalam kalangan gelandangan bekas banduan. Jumlah yang kecil ini menjadikan dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi kajian. Keadaan ini menyebabkan keperluan untuk menjalankan sebuah kajian yang lebih ekstensif dengan menggunakan kaedah kuantitatif yang memerlukan peruntukan dana yang lebih besar.

Selain itu, limitasi lain yang turut dikenal pasti adalah penggunaan pendekatan kualitatif dalam mengkaji kehidupan gelandangan bekas banduan. Hal ini kerana pendekatan kualitatif adalah lebih subjektif dan terbuka kepada pelbagai interpretasi. Maka keperluan untuk mengabungkan kajian yang berbentuk kuantitatif

pada masa akan datang dalam mengkaji isu gelandangan bekas banduan ini dengan lebih mendalam boleh dilakukan.

Di samping itu, pengkaji juga ingin mencadangkan keperluan membincangkan kehidupan gelandangan bekas banduan dari sudut keluarga mereka. Hal ini kerana isu gelandangan bekas banduan tidak dapat lari daripada penolakan keluarga atau mereka yang sendiri tidak mahu berada dekat bersama keluarga. Kesukaran mereka yang hidup di jalanan banyak disebabkan oleh hubungan mereka yang jauh dari keluarga. Ketiadaan sistem sokongan keluarga menjadikan mereka sering berakhir menjadi gelandangan di jalanan. Dengan mengambil kira keluarga mereka sebagai sampel, membolehkan pengkaji akan datang mendapatkan dapatan yang lebih neutral dan pada masa yang sama dapat menyokong dan membandingkan dapatan yang diterima daripada perspektif gelandangan bekas banduan.

Kedua, pengkaji juga ingin mencadangkan agar pengkaji di masa akan datang dapat meneroka pengangguran yang berlaku ini dari perspektif majikan. Dengan ini membolehkan dapatan kajian yang membincangkan isu pengangguran dan faktor yang menyebabkan majikan ini enggan mengajikan bekas banduan. Majoriti gelandangan bekas banduan menjadi gelandangan ini disebabkan oleh ketiadaan pekerjaan yang stabil. Rata-rata gelandangan bekas banduan menyalahkan majikan sebagai faktor pengangguran dalam kalangan mereka. Mereka menjadikan stigma dan liabiliti sebagai pencetus yang membuatkan majikan enggan mengajikan mereka ini. Maka keperluan untuk kajian di masa akan hadapan meneroka daripada aspek majikan. Hal ini membolehkan dapatan yang baru dapat diperolehi di masa akan datang.

Akhirnya, pengkaji mencadangkan agar keperluan sebuah kajian yang memfokuskan pada gelandangan bekas banduan wanita sahaja. Hal ini kerana masih banyak yang tidak diketahui tentang perspektif gelandangan bekas banduan wanita ini. Kebanyakan kajian yang dilakukan banyak berfokuskan kepada responden lelaki. Dengan ini membolehkan pengkaji di masa akan datang untuk mempertimbangkan kajian yang memfokuskan kepada gelandangan bekas banduan wanita pula. Maka, dapatan sebegini dapat mengisi lompong yang ada dalam ilmu pengetahuan berkaitan gelandangan bekas banduan ini. Bidang pembangunan gender di Malaysia masih belum rancak membincangkan isu bekas banduan dari sudut gender ini. Maka, pengkaji yakin ia akan membuahkann dapatan yang baharu untuk bidang ini.

## **7. Pematuhan dengan Standard Etika**

Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian yang melibatkan responden manusia adalah mengikut standard etika jawatankuasa Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Utara Malaysia. RMIC telah memberikan geran penyelidikan dan tinjauan etika sebelum permulaan penyelidikan ini. Selain itu, persetujuan yang dimaklumkan diperolehi dari semua responden individu yang termasuk dalam kajian ini.

## 8. Pengisytiharan Kepentingan Bercanggah

Penulis menyatakan tidak ada kemungkinan konflik kepentingan sehubungan dengan penelitian, kepengarangan, dan / atau penerbitan artikel ini.

## 9. Penghargaan

Kajian yang dijalankan ini adalah menerusi geran pembiayaan yang dikenali sebagai geran kolej sebanyak RM 5,000 dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Utara Malaysia.

## Rujukan

- Bakar, N. S. A. (2016). Factors related to intention to quit of being homeless among homeless people in Kuala Lumpur, Malaysia. (Tesis Sarjana). Universiti Putra Malaysia
- Berawi, F. A., & Ismail N. A (2019). Gelandangan di Kuala Lumpur: tinjauan awal. [https://www.researchgate.net/publication/337679453\\_Gelandangan\\_di\\_Kuala\\_Lumpur\\_Tinjauan\\_Awal](https://www.researchgate.net/publication/337679453_Gelandangan_di_Kuala_Lumpur_Tinjauan_Awal)
- Berg, M. T., & Huebner, B. M. (2011). Reentry and the ties that bind: an examination of social ties, employment, and recidivism. *Justice Quarterly*, 28 (2), 382-410, DOI: 10.1080/07418825.2010.498383
- Bhugra, D. (2007). Homelessness and mental health. Cambridge University Press.
- Bronfenbrenner, U. (1976). The experimental ecology of education. *Teachers College Record*, 78,157-204.
- Bronfenbrenner, U. (1977). Toward an experimental ecology of human development. *The American Psychologist*, 32,515-531.
- Brunton-Smith, I., & McCarthy, D. (2017). The effects of prisoner attachment to family on re-entry outcomes: a longitudinal assessment. *The British Journal of Criminology*, 57 (2), 463-482, <https://doi.org/10.1093/bjc/azv129>
- Davis, C., Bahr, S. J., & Ward, C. (2012). The process of offender reintegration: perceptions of what helps prisoners re-enter society. *Criminology and Criminal Justice*, 13 (4), 446-469, <https://doi.org/10.1177/1748895812454748>
- Denver, M., Siwach, G. & Bushway, S. (2017). A new look at the employment and recidivism relationship through the lens of a criminal background check. *Criminology*, 55 (1), 174-204, DOI:[10.1111/1745-9125.12130](https://doi.org/10.1111/1745-9125.12130)
- Grant, R., Gracy, D., Goldsmith, G., Shapiro, A., & Redlener, I. E. (2013). Twenty-five years of child and family homelessness: where are we now? *America Journal of Public Health*, 103, e1–e10, doi: [10.2105/AJPH.2013.301618](https://doi.org/10.2105/AJPH.2013.301618)

- Hammett, T. M., Rhodes, W., & Harmon, P. (2000). breaking the silence" on prisons and jails as epicenters of HIV/AIDS and other infectious diseases in the United States. Kertas dibentang di the XIII International AIDS Conference, Durban, South Africa.
- Hanson-Easey, S., Every, D., Tehan, B., Richardson, J., & Krackowizer, A. (2016). Climate change, housing and homelessness: report on the homelessness and climate change forum. <https://www.nccarf.edu.au/sites/default/files/Forum%20report%20on%20homelessness%20and%20climate%20change%20final.pdf>
- Herbert, C.W., Morenoff, J. D., & Harding, D. J. (2015). Homelessness and housing insecurity among former prisoners. *The Russell Sage Foundation Journal of the Social Sciences*, 1 (2), 44-79, DOI: [10.7758/rsf.2015.1.2.04](https://doi.org/10.7758/rsf.2015.1.2.04)
- Idris, M. A. H. & Ramli, M. A. (2017). Golongan gelandangan di Malaysia: antara perluasan Tafsiran Asnaf Ibnu Al-Sabil dan Al-Riqab. Dlm Najahurin Lateh, Muhamad Rahimi Osman & Ghafarullahuddin Din. (pnyt.), *Isu-Isu Kotemperorari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam*. Shah Alam: Akademik Pengajian Islam Kotemporari.
- Jasni, M. A., Ah, S. H. A. B., Yusoff, J. Z., Shahid, K. M., Omar N., & Azman, Z. (2018). Kekurangan akses kepada jagaan lanjutan dan faktor-faktor risiko yang membawa kepada relaps dadah dalam kalangan bekas banduan. *Jurnal Perspektif*, 10 (2), 34-44.
- Jasni, M. A., Ah, S. H. A. B., Yusoff, J. Z., Shahid, K. M., Omar, N. & Azman, Z. (2019). Family refusal as a contributing factor to the homelessness problem among former prisoners in Malaysia. *Sarjana*, 34 (1), 23-37.
- Krajewska-Kułak, E., Wejda, U., Kułak-Bejda, A., Łukaszuk, C., Repka, B., Guzowski, A., Cybulski, M., & Jasiński, M. (2016). Differing attitudes for various population groups towards homeless people. *Progress in Health Sciences*, 6 (1), 57-62, DOI:[10.5604/01.3001.0009.5110](https://doi.org/10.5604/01.3001.0009.5110).
- Ku Yaacob, K. B., Mohamad, M. S. & Sarnon, N. (2017). Isu gelandangan di Malaysia: tahap kesihatan mental dan kemahiran hidup. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (Special Issue)*, 119-131.
- Lowe, J., & Gibson, S. (2011). Reflections of a homeless population's lived experience with substance abuse. *Journal of Community Health Nursing*, 28, 92-100, DOI: [10.1080/07370016.2011.564066](https://doi.org/10.1080/07370016.2011.564066).
- Maruna, S. (2011). Re-entry as a rite of passage. *Punishment & Society*, 13 (1), 3-28, <https://doi.org/10.1177/1462474510385641>.
- McKernan, P. (2017). Homelessness and prisoner re-entry: examining barriers to housing stability and evidence-based strategies that promote improved outcomes. *Journal of community corrections*, 7-28.
- Mustafar, F. W., Yusof, F., Dora, M.T., Mustaffa, F., Mokhtar, M. Y. O., Osman, I. H., Azmi, A. N. & Hanafi, M. H. M. (2018). *Fenomena gelandangan: faktor kebanjiran komuniti jalanan*. Unit Penyelidikan, Perundingan dan Inovasi (UPPI): Kolej Universiti Islam Melaka.

- Nooe, R. M., & Patterson, D. A. (2010). The ecology of homelessness. *Journal of Human Behavior in the Social Environment*, 20 (2), 105-152, <https://doi.org/10.1080/10911350903269757>
- Ramli, M. W., & Dawood, S. R. S. (2017). Memahami permasalahan golongan terpinggir di bandar: kajian kes gelandangan di George Town, Pulau Pinang, *Geografi*, 5 (2), 78-94.
- Rickards, L. D., McGraw, S. A., Araki, L., Casey, R. G., High, C. W., Hombs, M. E., & Raysor, R. S. (2010). Collaborative initiative to help end chronic homelessness: introduction. *The Journal of Behavioral Health Services & Research*, 37 (2), 149-166, <https://doi.org/10.1007/s11414-009-9175-1>.
- Yani, N. M. A., Zahari, N. Z., Samah, N. F., Azahar, M. A., Yasin, S. M., Saman, M. S., & Noor, N. A. (2016). Factors associated with homelessness and its medical issues among urban Malaysians: a qualitative research. *Journal of Clinical and Health Sciences*, 1 (1), 46-58.
- Zondi, C. Z. (2012). Community participation in community correction operation and offender re-integration. *International Journal for Cross-Disciplinary Subjects in Education*, 3 (3), 763-771, DOI:[10.20533/IJCDSE.2042.6364.2012.0109](https://doi.org/10.20533/IJCDSE.2042.6364.2012.0109).